

**TEKS PERUTUSAN**  
**YDH SAC MAT ZANI @ MOHD SALAHUDDIN BIN CHE ALI**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH BAHAGIAN PERLINDUNGAN**  
**BENGKEL PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN BAHAGIAN PERLINDUNGAN**  
**BIL 2 (PSPBP 2022-2025)**  
**18 HINGGA 21 OKTOBER 2022**  
**VOUK HOTEL SUITES, PULAU PINANG**

---

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,

BISMILAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

YDH. ACP MUHAMMAD HISHAM BIN MUHAMMAD IDRIS  
PENGARAH CAWANGAN OPERASI

YBRS. PUAN ASMAH BTE AZHARI  
PENDAFTAR

YBRS. MUHAMMAD FADZLI BIN NGATMI  
PENGARAH CAWANGAN PENGURUSAN

YDH. SUPT SOPRI BIN BAKI  
PENGARAH CAWANGAN SIASATAN

TUAN – TUAN / PUAN – PUAN PARA PESERTA BENGKEL SEKALIAN,

## **PENGENALAN**

TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MENZAHIRKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN KEIZINAN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN **BENGKEL PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN BAHAGIAN PERLINDUNGAN BUAT KALI KEDUA** PADA TAHUNINI. BERSAMA-SAMA KITA MENDOAKAN AGAR BENGKEL INI AKAN MENCAPAI MATLAMATNYA.

SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PESERTA YANG DAPAT MELUANGKAN MASA MENJAYAKAN BENGKEL INI WALAUPUN SIBUK DENGAN TUGASAN HARIAN DI PEJABAT. KERJASAMA YANG DITUNJUKKAN MELAMBANGKAN KOMITMEN TUAN/PUAN DALAM MENJAYAKAN PROGRAM-PROGRAM YANG DIRANCANG OLEH BAHAGIAN PERLINDUNGAN.

## **LATARBELAKANG**

SEPERTIMANA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MAKLUM, BAHAGIAN PERLINDUNGAN TELAH MELAKSANAKAN BENGKEL PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KALI PERTAMA DI IPOH PERAK YANG MEMBINCANGKAN:

- A) ISU DAN CABARAN DALAM MELAKSANAKAN FUNGSI TERAS BP
- B) VISI DAN MISI PENDIGITALAN BP; DAN SETERUSNYA
- C) TERAS PENDIGITALAN BP

SUSULAN ITU, JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN BP TELAH MEMURNIKAN DATA-DATA DALAM BENGKEL TERSEBUT DAN MENGEMASKINI TEMPLAT YANG DITETAPKAN OLEH MAMPU. SAYA DIFAHAMKAN TERDAPAT **16 TEMPLATE** TELAH DISEDIAKAN PADA KETIKA INI DAN KESEMUANYA TELAH DIBENTANGKAN KEPADA PIHAK MAMPU PADA 12 OKTOBER 2022 YANG LALU.

SUKACITA INGIN SAYA MAKLUMKAN BAHAWA, PIHAK MAMPU AMAT BERPUASHATI DENGAN PENYEDIAAN TEMPLATE TERSEBUT DAN BERSETUJU DENGAN VISI, MISI DAN TERAS PENDIGITALAN BP YANG DICADANGKAN OLEH BAHAGIAN PERLINDUNGAN. SAYA BERHARAP, MANDAT TERSEBUT MEMBERI SEMANGAT KEPADA BAHAGIAN PERLINDUNGAN UNTUK MENERUSKAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PELANINI DALAM BENGKEL YANG DIANJURKAN PADA KALI INI.

## **OBJEKTIF**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

BENGKELINI MENG GARISKANTIGA (3) OBJEKTIF BERIKUT:

1. MENYEDIAKAN INPUT KEPADA PENYEDIAAN MAKLUMAT FASA 3 – STRATEGI DAN FASA 4 – FORMULASI PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN BP;

2. MEMBINCANGKAN STRUKTUR PELAKSANAAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP) BAHAGIAN PERLINDUNGAN; DAN
  
3. MEMUPUK SEMANGAT KERJASAMA ANTARA SEMUA PERINGKAT PENGURUSAN BP DALAM MENCORAKKAN STRATEGI DIGITAL BP KE ARAH AGENSI YANG RELEVAN DALAM ERA DIGITAL MASA DEPAN.

SAYA AMAT YAKIN BAHAWA OBJEKTIF BENGKEL AKAN TERCAPAI DENGAN KOMITMEN YANG DITUNJUKKAN OLEH TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.

### **PELAKSANAAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (PKP)**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

JIKA DILIHAT, BENGKEL KALI INI JUGA AKAN MENGERAKKAN INISIATIF PEMBANGUNAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN YANG MERUPAKAN PELAN KRITIKAL DALAM SEMUA AGENSI KERAJAAN . PELANINI MASIH BELUM DIWUJUDKAN DALAM BAHAGIAN PERLINDUNGAN SEBELUMINI.

BERDASARKAN **PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2000 : RANGKA DASAR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI KERAJAAN BERKUAT KUASA MULAI 1 OKTOBER 2000** PELANINI MEMASTIKAN FUNGSI ATAU PERKHIDMATAN KRITIKAL AGENSI, KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN MAKLUMAT DIPULIHKKAN DENGAN SEGERA APABILA BERLAKU GANGGUAN

ATAU BENCANA. IA MENJADI GARIS PANDUAN KEPADA BAHAGIAN PERLINDUNGAN (BP) UNTUK MENERUSKAN FUNGSI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BP WALAUPUN BERLAKU BENCANA YANG TIDAK DIINGINI.

SESI DALAM BENGKEL INI AKAN MENETAPKAN **STRUKTUR PENGURUSAN PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DENGAN LANTIKAN KOORDINATOR DAN AHLI JAWATANKUASA**, SETERUSNYA MENYEDIAKAN **FUNGSI-FUNGSI KRITIKAL** BAHAGIAN PERLINDUNGAN YANG PERLU DITERUSKAN SEKIRANYA BERLAKU BERCANA.

## **HARAPAN DAN HALATUJU**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

USAHA KERAJAAN MEWUJUDKAN INISIATIF MYDIGITAL SEWAJARNYA DILIHAT SEBAGAI PELUANG KEPADA WARGA BAHAGIAN PERLINDUNGAN MENINGKATKAN AKTIVITI PENDIGITALAN BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN AKAN DATANG. ATAS DASAR TERSEBUT, WARGA BPJPM PERLU BIJAK MENANGANI CABARAN PENDIGITALAN AGAR DAPAT MEMENUHI SASARAN KERAJAANINI, DENGAN TIDAK MENGKOMPROMI ASPEK KERAHSIAAN YANG TERMAKTUB DALAM AKTA PERLINDUNGAN SAKSI 696.

OLEH ITU, SAYA BERHARAP DENGAN KOMITMEN DAN INPUT YANG DIBERIKAN OLEH WARGA BPJPM, KHUSUSNYA PESERTA BENGKELINI, DAPAT MEMBANTU JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN BPJPM, MEMUKTAMADKAN DAN SETERUSNYA MENERBITKAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN BPJPM PADA TAHUN INI.

## **PENUTUP**

AKHIR KATA SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, BARISAN URUSETIA DAN CAWANGAN PENGURUSAN YANG DIKETUAII ENCIK MUHAMMAD FADZLI BIN NGATMI, YANG MENJAYAKAN BENGKELINI. SEMOGA USAHA KITAINI DIBERKATI ALLAH SWT DAN DIKURNIAKAN KEMUDAHAN UNTUK MEMBANGUNKAN PELAN-PELANINI.

DENGAN ITU, SAYA AKHIRI UCAPANINI DENGAN WABILLAH HITTAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HITA'ALA WABARAKATUH.

SEKIAN, TERIMA KASIH.